A

Abdul Azeez bin Abdul Rahim lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05–78–03 OF 2021
KAMALUDIN MD SAID, ABU BAKAR JAIS DAN CHE MOHD RUZIMA HHMR
5 SEPTEMBER 2022

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi menolak notis usul — Perayu dituduh di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 — Perayu memohon untuk mengetepikan atau membatalkan pertuduhan-pertuduhan — Sama ada pertuduhan-pertuduhan detektif — Sama ada pertuduhan-pertuduhan tidak berasas — Sama ada pendakwaan mala fide

D

E

Ini ialah rayuan terhadap keputusan hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') yang tidak membenarkan notis usul yang telah difailkan oleh perayu. Di Mahkamah Tinggi, notis usul yang difailkan oleh perayu timbul kerana beliau telah didakwa dengan beberapa pertuduhan di mahkamah sesyen Kuala Lumpur. Perayu didakwa di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta SPRM'), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLATFPUAA') dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('AMLATFA'). Secara asasnya apa yang dipohon oleh perayu melalui notis usul tersebut ialah mengetepikan atau membatalkan pertuduhan-pertuduhan yang telah dikemukakan terhadapnya di mahkamah sesyen tersebut. Alasan-alasan permohonan seperti mana dinyatakan mengenai notis usul ini ialah: (a) pertuduhan-pertuduhan adalah defektif; (b) pertuduhan-pertuduhan adalah tidak berasas; dan (c) pendakwaan terhadapnya adalah mala fide. HMT telah menolak notis usul yang difailkan perayu dan oleh itu rayuan ini.

F

G

H

Diputuskan:

I

(1) Mengenai pertuduhan pertama Akta SPRM, walaupun terdapat empat projek berasingan, suapan yang dipertuduhkan adalah untuk keempat-empat projek tersebut. Begitu juga tarikh pada pertuduhan hanya satu. Ini menunjukkan satu suapan untuk empat projek tersebut. Ia bukan empat kesalahan menerima suapan dilakukan untuk empat

projek tersebut. Oleh itu, tiada isu duplicity atau multiplicity mengenai pertuduhan ini dan tidak boleh dikatakan ianya defektif. Pertuduhan pertama ini memberikan butiran secara khusus kesalahan yang mana tertuduh dipertuduhkan iaitu kesalahan menerima suapan dan peruntukan undang-undang berkenaan kesalahan tersebut iaitu di bawah s 16(a)(A) Akta SPRM. Di samping itu, tidak timbul isu pelanggaran s 163 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') yang memperuntukkan bahawa bagi setiap kesalahan yang berlainan, maka pertuduhan berasingan perlu dibuat (lihat perenggan 52–54).

(2) Mengenai pertuduhan-pertuduhan di bawah AMLATFPUAA pula, adalah tidak benar bahawa pertuduhan-pertuduhan ini adalah kabur. Butiran yang diberikan seperti yang terdapat di dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut amat jelas. Pertuduhan-pertuduhan telah pun mempunyai butiran yang perlu di bawah ss 152 dan 153 KTJ. Butir-butir yang mencukupi telah diberikan dan tiada kekeliruan boleh timbul untuk perayu membela diri. Butir-butir ini mencukupi untuk tidak memprejudiskan perayu (lihat perenggan 55).

(3) Mengenai ketiadaan tarikh tepat dinyatakan dalam pertuduhan-pertuduhan pula, hakikatnya terdapat tarikh yang dinyatakan antara satu tarikh ke satu tarikh lain yang tertera dalam semua pertuduhan. Ini adalah mencukupi dan tidak mengelirukan perayu. Di samping itu, ini jelas dibenarkan apabila dilihat kepada s 91A AMLATFPUAA. Seksyen 91A AMLATFPUAA membenarkan pertuduhan dibuat dengan menyatakan jumlah kasar berkenaan kesalahan itu tanpa menyatakan butiran terperinci atau tarikh tepat dengan syarat waktu yang dinyatakan antara tarikh pertama dan terakhir itu tidak melebihi 12 bulan (lihat perenggan 60–61).

(4) Adalah jelas pertuduhan kesepuluh terhadap perayu adalah di bawah s 4(1)(a) AMLATFA dan bukan di bawah s 4(1)(a) AMLATFPUAA. Pertuduhan ini tidak defektif seperti yang dihujahkan perayu yang menyatakan bahawa pertuduhan kesepuluh menggabungkan dua kesalahan berlainan. Di samping itu, s 4(1)(a) AMLATFA juga tidak menggunakan perkataan secara langsung atau tidak langsung. Maka sama ada perayu telah melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi membabitkan hasil daripada aktiviti haram, tidak perlu dinyatakan di dalam pertuduhan. Perayu dituduh dengan kesalahan pengubahan wang haram dan bukan kesalahan predikat. Tiada keperluan untuk menyatakan kesalahan predikat dalam pertuduhan. Oleh itu tidak benar bahawa perayu diprejudiskan atau terkeliru berkenaan aktiviti haram yang dirujuk pihak pendakwaan dalam pertuduhan. Adalah tidak benar untuk perayu menghujahkan pertuduhanpertuduhan yang dihadapi beliau adalah tidak berasas dan

tidak sah. Pertuduhan-pertuduhan telah dibuat dengan mengemukakan butir-butir yang mencukupi (lihat perenggan 62–64 & 66).

(5) Hujahan perayu bahawa pendakwaan terhadap beliau ialah berniat jahat (mala fide) adalah tidak berasas. Tidak ditunjukkan bahawa pendakwa raya telah menyalahguna kuasa budi bicaranya dan pendakwaan terhadap perayu dibuat secara mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah. Tidak berlaku suatu penganiayaan politik dan penindasan terhadap perayu. Perayu tidak boleh dibebaskan dan dilepaskan begitu sahaja di peringkat ini berdasarkan hujahan-hujahan beliau. Perayu mesti menghadapi pertuduhan-pertuduhan terhadap beliau di mahkamah. Tidak ada kekhilafan yang dilakukan oleh HMT yang bijaksana. Beliau telah memberikan alasan-alasan kukuh dan mantap untuk menolak notis usul yang difailkan perayu (lihat perenggan 67 & 69–70).

(6) Untuk pertuduhan-pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan di bawah AMLATFPUAA, walaupun dinyatakan tempat kesalahan secara am sahaja, iaitu sekitar Lembah Klang, ini masih tidak dianggap material jika ia tidak mengelirukan tertuduh. Namun demikian bila pertuduhan-pertuduhan ini merujuk kepada sekitar Lembah Klang, ini termasuk Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Memandangkan Petaling Jaya bukan di dalam Kuala Lumpur, maka mahkamah sesyen Kuala Lumpur tidak mempunyai bidang kuasa tempatan untuk membicarakan kesalahan yang dilakukan di Petaling Jaya. Oleh kerana tempat kesalahan dinyatakan dengan tidak jelas, sudah tentunya ini mengelirukan perayu dan membuatkan perayu tidak dapat membuat persediaan yang mencukupi bagi pembelaan dirinya. Oleh itu perayu dibebaskan dan dilepaskan hanya bagi pertuduhan-pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan di bawah AMLATFPUAA (lihat perenggan 74, 76 & 78–90).

(7) Pihak pendakwaan masih berhak dibenarkan memanggil saksi-saksi untuk menjelaskan maksud sebenar 'Laporan Analisa Kewangan, Perbandingan Pendapatan & Perbelanjaan'. Masih terlalu awal pada peringkat ini untuk diputuskan bahawa laporan ini membuktikan perayu tidak boleh disabitkan dengan pertuduhan yang dikemukakan terhadap beliau. Oleh itu, rayuan perayu ditolak kecuali mengenai pertuduhan-pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan di bawah AMLATFPUAA (lihat perenggan 84 & 89).

[English summary

This was an appeal against the High Court judge's ('HCJ') decision not to allow the notice of motion filed by the appellant. In the High Court, the notice of motion filed by the appellant arose because he had been charged with several charges in the Kuala Lumpur sessions court. The appellant was charged under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 ('the MACC Act'), the

Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001 ('the AMLATFPUAA') and the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism Financing Act 2001 ('the AMLATFA'). In gist, what the appellant was requesting through the notice of motion was to set aside or strike out the charges that had been charged against him in the sessions court. The reasons for the application as stated in the notice of motion were: (a) the charges were defective; (b) the charges were unfounded; and (c) the prosecution against him was mala fide. The HCJ had dismissed the notice of motion filed by the appellant and hence this appeal.

Held:

(1) Regarding the first charge of the MACC Act, although there were four separate projects, the alleged bribery was for all four of those projects. Likewise, the date on the charge was only one. This showed one bribe for the four projects. It was not four offenses of receiving bribes committed for the four projects. Therefore, there was no issue of duplicity or multiplicity regarding this charge and it could not be said that it was defective. The first charge provided specific details of the offense of which the accused was charged, which was the offense of receiving bribes and the legal provisions regarding the offense was under s 16(a)(A) of the MACC Act. In addition, there was no issue of violation of s 163 of the Criminal Procedure Code ('the CPC') which provided that for each different offence, separate charges must be made (see paras 52–54).

(2) Regarding the charges under AMLATFPUAA, it was not true that these charges were vague. The details given as found in the charges were very clear. The charges already had the necessary details under ss 152 and 153 of the CPC. Sufficient particulars had been given and no confusion could arise for the appellant to defend himself. These details were sufficient not to prejudice the appellant (see para 55).

(3) Regarding the absence of an exact date specified in the charges, the fact was that there were dates specified between one date and another date stated in all the charges. This was sufficient and did not confuse the appellant. In addition, this was clearly allowed according to s 91A of the AMLATFPUAA. Section 91A of the AMLATFPUAA allowed charges to be made stating the gross amount of the offense without specifying the details or the exact date provided the time between the first and last date was not more than 12 months (see paras 60–61).

(4) It was clear that the tenth charge against the appellant was under s 4(1)(a) of the AMLATFA and not under s 4(1)(a) of the AMLATFPUAA. This charge was not defective as argued by the appellant stating that the tenth charge combined two different offences. In addition, s 4(1)(a) of the AMLATFA also did not use the word directly or indirectly. Therefore, whether the appellant had directly or indirectly involved himself in

transactions involving proceeds from illegal activities, did not need to be stated in the charge. The appellant was charged with the offense of money laundering and not a predicate offence. There was no need to state the predicate offence in the charge. Therefore, it was not true that the appellant was prejudiced or misled regarding the illegal activities referred to by the prosecution in the charge. It was not true for the appellant to argue that the charges against him were baseless and invalid. The charges were made out with sufficient particulars (see paras 62–64 & 66).

(5) The appellant's argument that the prosecution against him was mala fide was baseless. It had not been shown that the public prosecutor abused his discretion and the prosecution of the appellant was made in mala fide and abuse of court process. There was no political persecution and oppression against the appellant. The appellant could not be acquitted and discharged at this stage based on his arguments. The appellant must face the charges against him in court. There was no mistake made by the learned HCJ. He had given strong and solid reasons for rejecting the notice of motion filed by the appellant (see paras 67 & 69–70).

(6) For the third, seventh, eighth and ninth amended charges under the AMLATFPUAA, even if the place of the offense was stated in general only, that was around the Klang Valley, this was still not considered material if it did not confuse the accused. However, when these charges refer to the Klang Valley area, this included Kuala Lumpur and Petaling Jaya. Since Petaling Jaya was not within Kuala Lumpur, the Kuala Lumpur sessions court did not have local jurisdiction to try offenses committed in Petaling Jaya. Since the place of the offense was not clearly stated, of course this confused the appellant and made the appellant unable to prepare adequately for his defence. The appellant was therefore acquitted and discharged only of the third, seventh, eighth and ninth amended charges under the AMLATFPUAA (see paras 74, 76 & 78–90).

(7) The prosecution still had the right to call witnesses to explain the true meaning of the 'Laporan Analisa Kewangan, Perbandingan Pendapatan & Perbelanjaan'. It was too early at this stage to decide that this report proved that the appellant could not be convicted of the charges brought against him. Therefore, the appellant's appeal was dismissed except in respect of the third, seventh, eighth and ninth amended charges under the AMLATFPUAA (see paras 84 & 89).]

Kes-kes yang dirujuk

Ahmad Zubair @ Ahmad Zubir bin Hj Murshid v PP [2014] MLJU 991; [2014] 1 CLJ 697, MR (diikut)
Goh Keat Peng v PP [2001] 2 CLJ 498, MT (dibeza)
Karpal Singh & Anor v PP [1991] 2 MLJ 544, MA (dirujuk)

Mohd Haikal bin Mohd Khatib Saddaly & Ors v PP [2009] 4 MLJ 305; [2011] 5 CLJ 369, MR (diikut)
PP v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors [2018] 6 MLJ 37, MR (dirujuk)
PP v Lee Eng Kooi [1993] 2 MLJ 322; [1993] 2 CLJ 534, MT (dirujuk)
PP v Yeoh Tech Chye and Lim Hong Pung & Anor v PP [1981] 2 MLJ 176, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Polis 1967 s 27(5)
Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ss 2(1), 3(1), 4(1), (1)(a), (1)(b), (1)(c), (1)(d), 16(a)(A), 56, 91, 91A
Kanun Tatacara Jenayah ss 51A, 152, 153, 154, 156, 163, 376, 422
Perlembagaan Persekutuan perkara 5, 8, 145, 145(3)

Rayuan daripada: *Abdul Azeez bin Abdul Rahim lwn Pendakwa Raya* [2021] 9 MLJ 955 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Amer Hamzah Arshad (Joshua Tay H'ng Foong, Marina bt Mohamed, Siti Suraya Abu Hassan, Sri Shazliza Sharmie bt Mohd Sohaimi, Jabir Abdullah dan Ainur Syuhada Jefri bersamanya) (AmerBON) bagi pihak perayu.
Aslinda bt Ahad (Nik Haslinie bt Hashim dan Hafizatul Ifa bt Ab Razak bersamanya) (Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Abu Bakar Jais HMR:

PENDAHULUAN

[1] Ini ialah rayuan terhadap keputusan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi yang tidak membenarkan notis usul yang telah difailkan oleh perayu. Kami telah mendengar hujahan lisan dan meneliti hujahan bertulis kedua-dua pihak dalam rayuan kes ini. Kami juga telah meneliti rekod rayuan yang telah disediakan. Kami dengan ini memberikan alasan-alasan kami dalam memutuskan rayuan yang telah dibuat.

LATAR BELAKANG KES

[2] Di Mahkamah Tinggi, notis usul yang difailkan oleh perayu timbul kerana beliau telah didakwa dengan beberapa pertuduhan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Perayu didakwa di mahkamah sesyen di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('Akta SPRM'), Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 ('AMLATFPUAA') dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('AMLATFA').

[3] Secara asasnya apa yang dipohon oleh perayu melalui notis usul tersebut ialah mengetepikan atau membatalkan pertuduhan-pertuduhan yang telah dikemukakan terhadap dia di mahkamah sesyen tersebut. Notis usul di Mahkamah Tinggi ini memohon perintah-perintah berikut:

(a) bahawa mahkamah yang mulia ini melaksanakan kuasa-kuasanya untuk mengeluarkan suatu perintah supaya kesemua pertuduhan dan pendakwaan jenayah terhadap perayu di bawah s 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('SPRM') dan s 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 ('AMLA') di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur Perbicaraan Jenayah No WA-62R-3–01 Tahun 2019 dan WA-62R-5–01 Tahun 2019 diketepikan (*set aside*) dan dibatalkan (*quashed*) serta merta;

(b) susulan dari itu bahawa mahkamah yang mulia ini memerintahkan agar perayu dilepaskan dan dibebaskan; atau

(c) secara alternatifnya, bahawa suatu perintah penggantungan secara kekal (*permanent stay*) prosiding Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur Perbicaraan Jenayah No WA-62R-3–01 Tahun 2019 dan WA-62R-5–01 Tahun 2019; dan

(d) sebarang perintah-perintah/relif-relif lanjut yang difikirkan wajar dan suai-manfaat.

[4] Alasan-alasan permohonan seperti mana dinyatakan mengenai notis usul ini ialah:

(a) pertuduhan-pertuduhan adalah defektif;

(b) pertuduhan-pertuduhan adalah tidak berasas; and

(c) pendakwaan terhadapnya adalah mala fide.

[5] Perayu di mahkamah sesyen telah dituduh dengan pertuduhan-pertuduhan berikut:

Pertuduhan-pertuduhan di bawah Akta SPRM

Pertuduhan Pertama

Bahawa kamu, pada 8 Disember 2010, di CIMB Bank Cawangan Menara UAB, No. 6, Jalan Tun Perak, City Centre, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah secara rasuah menerima bagi diri kamu suatu suapan, iaitu, wang tunai sejumlah RM1,200,000.00 melalui akaun CIMB Bank Berhad nombor akaun 14140037378050 milik kamu daripada Mohammad Redzuan Mohanan bin Abdullah yang merupakan Pengarah Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, sebagai upah bagi diri kamu kerana telah melakukan suatu perkara yang sebenar, iaitu, membantu Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan projek-projek (seperti di Lampiran A) daripada Kerajaan Malaysia secara rundingan terus dan tender terhad

yang keseluruhannya bernilai RM197,805,750.18, dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

LAMPIRAN A

1. Projek Jalan Air Kuning ke Kampung Gajah, Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan;

2. Projek Jalan Air Kuning ke Kampung Gajah, Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan (Fasa II);

3. Projek Membina Jalan Air Kuning ke Kampung Gajah, Daerah Batang Padang, Perak Darul Ridzuan (Fasa III); dan

4. Projek Membina Jalan Kampung Merbau Kudung/Felda Teloi Timur, Sik, Kedah (Reka & Bina).

Pertuduhan Kedua

Bahawa kamu, pada 13 Jun 2017, di Affin Bank Berhad, J-03-G, Blok J, Setiawalk, Persiaran Wawasan, Pusat Bandar Puchong, di dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah secara rasuah menerima bagi diri kamu suatu suapan, iaitu, wang tunai sejumlah RM2,000,000.00 daripada Mohammad Redzuan Mohanan bin Abdullah yang merupakan Pengarah Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, sebagai upah bagi diri kamu kerana telah melakukan suatu perkara yang sebenar, iaitu, membantu Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan Projek Membina Lebuhraya Persisiran Pantai Baru: Kerja-Kerja menaiktaraf Jalan Persekutuan FT005 (Teluk Intan ke Kampung Lekir, Perak Darul Ridzuan) secara tender terhad daripada Kementerian Kerja Raya Malaysia yang bernilai RM644,480,000.00 dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Ketiga

Bahawa kamu, pada 10 April 2018, di Affin Bank Berhad, J-03-G, Blok J, Setiawalk, Persiaran Wawasan, Pusat Bandar Puchong, di dalam Daerah Petaling, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah secara rasuah menerima bagi diri kamu suatu suapan, iaitu, wang tunai sejumlah RM2,000,000.00 daripada Mohammad Redzuan Mohanan bin Abdullah yang merupakan Pengarah Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, sebagai upah bagi diri kamu kerana telah melakukan suatu perkara yang sebenar, iaitu, membantu Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan Projek Membina Lebuhraya Persisiran Pantai Baru: Kerja-Kerja menaiktaraf Jalan Persekutuan FT005 (Teluk Intan ke Kampung Lekir, Perak Darul Ridzuan) secara tender terhad daripada Kementerian Kerja Raya Malaysia yang bernilai RM644,480,000.00 dan oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah seksyen 24(1) Akta yang sama.

Pertuduhan-pertuduhan di bawah AMLATFPUAA Pertuduhan Pindaan Pertama

Bahawa kamu, pada 6/9/2010 hingga 30/12/2010, di Maybank Islamic Berhad, 66, 68 & 70, Jalan Maarof Bangsar Baru, 59100 dalam Daerah Kuala Lumpur, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM50,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Pindaan Kedua

Bahawa kamu, pada 2/2/2011 hingga 30/12/2011 di Maybank Islamic Berhad, 66, 68 & 70, Jalan Maarof Bangsar Baru, 59100 dalam Daerah Kuala Lumpur, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM120,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Pindaan Ketiga

Bahawa kamu, pada 2/2/2012 hingga 28/12/2012, di sekitar Lembah Klang telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM820,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Pindaan Keempat

Bahawa kamu, di antara 2/2/2013 hingga 25/12/2013, di Affin Islamic Bank Berhad, Affin Bank Cawangan Central, Ground & Mezzanine Floor, 80, Menara Affin, Jalan Raja Chulan, 50788, dalam Daerah Kuala Lumpur, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM120,000.00 daripada Syarikat menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Pindaan Kelima

Bahawa kamu, pada 30/1/2014 hingga 31/12/2014, di Affin Islamic Bank Berhad, Affin Bank Cawangan Central, Ground & Mezzanine Floor, 80, Menara Affin, Jalan Raja Chulan, 50788, dalam Daerah Kuala Lumpur, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram,

iaitu kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram berjumlah RM120,000.00 daripada Syarikat menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Pindaan Keenam

Bahawa kamu, pada antara 31/1/2015 hingga 31/12/2015, di Affin Islamic Bank Berhad, Affin Bank Cawangan Central, Ground & Mezzanine Floor, 80, Menara Affin, Jalan Raja Chulan, 60788, dalam Daerah Kuala Lumpur, di dalam Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram yang kesemuanya berjumlah RM120,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Pindaan Ketujuh

Bahawa kamu, pada 3/2/2016 hingga 30/12/2016, di sekitar Lembah Klang, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram yang kesemuanya berjumlah RM4,199,985.25 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Pindaan Kelapan

Bahawa kamu, pada 31/1/2017 hingga 19/12/2017, di sekitar Lembah Klang, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram yang kesemuanya berjumlah RM7,042,000.00 daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan Pindaan Kesembilan

Bahawa kamu, pada 4/1/2018 hingga 30/8/2018, di sekitar Lembah Klang, telah melakukan kesalahan pengubahan wang haram, iaitu, kamu telah menerima hasil daripada aktiviti haram yang kesemuanya berjumlah RM842,000.00 daripada Syarikat menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah seksyen 4(1) Akta yang sama.

Pertuduhan di bawah AMLATFA Pertuduhan Kesepuluh

Bahawa kamu, pada 7 Mac 2012, bertempat di No. 66A Jalan Kampung Attap,

50460 dalam Daerah Kuala Lumpur di dalam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram, dengan memiliki hasil daripada aktiviti haram iaitu sebuah kenderaan Toyota Vellfire, Nombor Pendaftaran Kenderaan QBA6 bernilai RM442,414.60 yang diperoleh daripada Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen 4(1)(a) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001 [Akta 613] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1) Akta yang sama.

KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI

[6] Mahkamah Tinggi menyatakan ia mempunyai kuasa sedia ada (*inherent power*) untuk mengetepikan dan membatalkan pertuduhan atau menggantung pertuduhan secara kekal. Walau bagaimanapun, kuasa sedia ada mahkamah mestilah dilaksanakan dalam hal keadaan luar biasa (*exceptional circumstances*) bagi mengelakkan penindasan dan penyalahgunaan proses mahkamah. Mahkamah hanya akan melaksanakan kuasa sedia ada apabila terdapat salah laksana keadilan (*miscarriage of justice*).

[7] Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') yang bijaksana telah menyatakan mahkamah tidak boleh melaksanakan kuasa sedia ada berhubung mana-mana perkara yang diliputi oleh peruntukan khusus undang-undang atau pelaksanaannya akan melanggar mana-mana peruntukan khusus undang-undang.

[8] Mengenai alasan pertama perayu bahawa pertuduhan-pertuduhan adalah defektif, HMT mendapati pertuduhan pertama di bawah Akta SPRM adalah tidak defektif. Menurut HMT, memang benar lampiran kepada pertuduhan menyenaraikan empat projek berasingan dan berlainan antara satu sama lain. Walaupun digabungkan dalam satu pertuduhan tetapi suapan diterima adalah untuk empat projek tersebut menurut HMT. Begitu juga tarikh kesalahan, hanya satu iaitu pada 8 Disember 2010. Ini jelas menunjukkan satu kesalahan menerima suapan dilakukan yang mana suapan diterima adalah untuk empat projek tersebut. Ia bukan empat kesalahan menerima suapan dilakukan untuk empat projek tersebut. Maka menurut HMT, tidak timbul isu kepelbagaian/perduaan (*duplicity atau multiplicity*) mengenai pertuduhan ini. Ia bukan kesalahan menerima suapan yang berasingan dan berlainan bagi setiap satu projek tersebut.

[9] Menurut pandangan HMT juga tiada kekaburan mengenai pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA. Pertuduhan-pertuduhan tersebut telah mematuhi kaedah-kaedah untuk merangka suatu pertuduhan. Pertuduhan-pertuduhan mengandungi butiran iaitu kesalahan yang mana perayu dipertuduhkan iaitu kesalahan pengubahan wang haram dengan menerima hasil daripada aktiviti

haram dan peruntukan undang-undang berkenaan kesalahan tersebut iaitu di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA. Waktu dan tempat kesalahan dilakukan juga telah dinyatakan. HMT menyatakan pertuduhan-pertuduhan telah memberi perayu notis mencukupi mengenai perkara yang dia dipertuduhkan dan perayu berupaya untuk menyediakan pembelaannya. Pertuduhan bukan dirangka dengan cara yang boleh mengelirukan atau memprejudiskan perayu, hingga ke tahap dia tidak boleh mengemukakan pembelaan sewajarnya. HMT berpendapat perayu tidak menunjukkan bagaimana dia terkeliru atau diprejudiskan.

[10] Menurut HMT, pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA tidak defektif. Kekurangan butiran sebagaimana dihujahkan perayu, iaitu tidak menyatakan berkenaan dalam bentuk apa dan bagaimana wang diterima perayu, tidak menyatakan tarikh tepat dan menyatakan tempat kesalahan dilakukan secara am sahaja iaitu di sekitar Lembah Klang (bagi pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan) hanya lebih kepada kesilapan dan ketinggalan bukan menjadikan pertuduhan defektif. Bagaimanapun, apa yang penting bukan kesilapan dan ketinggalan dalam pertuduhan tetapi sama ada kesilapan dan ketinggalan tersebut menyebabkan perayu terkeliru.

[11] Menurut HMT, perayu tidak menunjukkan bagaimana dia terkeliru atau diprejudiskan oleh kesilapan dan ketinggalan dalam butiran pertuduhan menyebabkan dia tidak boleh mengemukakan pembelaan sewajarnya.

[12] HMT juga mendapati kesilapan dan ketinggalan itu tidak menyebabkan kegagalan keadilan (*failure of justice*). Seterusnya semasa perbicaraan, pihak pendakwaan boleh membuat pindaan pada pertuduhan. Dengan kebenaran mahkamah, pihak pendakwaan berhak untuk meminda pertuduhan pada mana-mana peringkat perbicaraan. Menurut HMT pihak pendakwaan jika berhasrat, boleh meminda pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA untuk memasukkan butiran yang difikirkan perlu dan wajar.

[13] Menurut HMT, pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA menyatakan perayu telah menerima hasil daripada aktiviti haram sejumlah wang. Pada pendapat HMT ini telah memberi perayu notis mencukupi mengenai perkara yang dipertuduhkan. Oleh itu tiada lagi keperluan untuk menyatakan dalam bentuk apa dan bagaimana wang tersebut diterima. Sebagai contoh wang tunai atau cek dan sama ada diserahkan kepada perayu secara tangan atau didepositkan ke dalam mana-mana akaun bank milik perayu atau orang lain. Dalam bentuk apa dan bagaimana wang tersebut diterima perayu boleh dikemukakan melalui keterangan saksi-saksi semasa perbicaraan. Menurut HMT adalah bagi pihak

pendakwaan untuk mengemukakan keterangan sewajarnya dalam bentuk apa dan bagaimana wang tersebut diterima perayu.

[14] Berhubung dengan hujahan perayu bahawa tarikh tepat setiap kesalahan tidak dinyatakan, hanya tempoh antara tiga bulan hingga satu tahun, HMT juga merujuk kepada s 91A AMLATFPUAA yang berkuatkuasa pada 8 Ogos 2014 yang memperuntukkan seperti berikut:

> When a person is charged with an offence under this Act, it shall be sufficient to specify the gross sum in respect of which the offence is alleged to have been committed and the dates between which the offence is alleged to have been committed, without specifying particular items or exact dates, and the charge so framed shall be deemed to be a charge of one offence within the meaning of section 164 of the Criminal Procedure Code provided that the time concluded between the first and last of such dates shall not exceed twelve months.

[15] HMT merujuk kepada s 2(1) AMLATFPUAA. Akta ini terpakai bagi mana-mana kesalahan dinyatakan sama ada dilakukan sebelum atau selepas tarikh kuatkuasa. Seksyen 91A membenarkan pertuduhan dibuat dengan menyatakan jumlah kasar berkenaan kesalahan itu tanpa menyatakan butiran terperinci atau tarikh tepat dengan syarat waktu yang dinyatakan ialah tarikh pertama dan terakhir itu tidak melebihi 12 bulan. Ini sekaligus menjawab hujahan peguambela perayu berkenaan pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA yang tidak menyatakan tarikh tepat, hanya tempoh antara tiga bulan hingga satu tahun.

[16] Mengenai hujahan perayu bahawa pertuduhan kesepuluh (di bawah AMLATFA) ialah defektif atas alasan ia menggabungkan dua kesalahan berlainan 'melibatkan diri dalam pengubahan wang haram' kesalahan di bawah s 4(1)(a) AMLATFPUAA dan 'memiliki hasil daripada aktiviti haram' kesalahan di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA dan gagal menyatakan sama ada perayu telah melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi membabitkan hasil daripada aktiviti haram, HMT berpendapat hujahan ini adalah tersasar. HMT berpendapat hujahan perayu mungkin mempunyai merit jika pertuduhan terhadap perayu adalah di bawah s 4(1)(a) AMLATFPUAA. Tetapi pertuduhan kesepuluh terhadap perayu adalah di bawah s 4(1)(a) AMLATFA dan bukan di bawah s 4(1)(a) AMLATFPUAA. Seksyen 4(1) AMLATFA memperuntukkan dua kategori kesalahan pengubahan wang haram sebagaimana perenggan (a) atau (b). Sementara s 4(1) AMLATFPUAA pula memperuntukkan empat kategori kesalahan pengubahan wang haram sebagaimana perenggan (a), (b), (c) atau (d). Seksyen 4(1) AMLATFA memperuntukkan kesalahan pengubahan wang haram. perayu dituduh 'telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram dengan memiliki hasil daripada aktiviti haram iaitu ...' suatu kesalahan di bawah s 4(1)(a) AMLATFA. Ia adalah suatu kesalahan dan bukan dua kesalahan

berlainan. HMT berpendapat dengan itu tiada asas untuk menyatakan bahawa pertuduhan kesepuluh menggabungkan dua kesalahan berlainan. Seterusnya s 4(1)(a) AMLATFA tidakpun menggunakan perkataan secara langsung atau tidak langsung. Maka tiada keperluan untuk menyatakan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pertuduhan kesepuluh. Justeru itu, HMT mendapati tidak timbul isu pertuduhan kesepuluh menjadi defektif.

[17] Bagi pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA, HMT menyatakan perayu dituduh dengan kesalahan pengubahan wang haram iaitu menerima hasil daripada aktiviti haram di bawah s 4(1)(b). Bagi pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA perayu dituduh melibatkan diri dalam pengubahan wang haram dengan memiliki hasil daripada aktiviti haram di bawah s 4(1)(a). Perayu dituduh dengan kesalahan pengubahan wang haram dan bukan kesalahan serius (kesalahan predikat). Kesalahan pengubahan wang haram merupakan suatu kesalahan yang boleh berdiri dengan sendiri. HMT berpendapat teras kesalahan pengubahan wang haram adalah berkenaan hasil daripada aktiviti haram dan bukan kesalahan serius itu sendiri. Ini boleh dilihat daripada takrif kesalahan pengubahan wang haram dalam s 4(1), takrif aktiviti haram dan takrif hasil daripada aktiviti haram di bawah s 3(1) AMLATFPUAA (bagi pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan), takrif pengubahan wang haram, takrif aktiviti haram dan takrif hasil daripada aktiviti haram di bawah s 3(1) AMLATFA (bagi pertuduhan kesepuluh).

[18] HMT mendapati aktiviti haram di bawah AMLATFPUAA bermaksud sebarang aktiviti yang mana menjadi apa-apa kesalahan serius atau apa-apa kesalahan serius asing atau yang mengakibatkan atau membawa kepada pelakuan apa-apa kesalahan serius atau apa-apa kesalahan serius asing dan hasil daripada aktiviti haram bermaksud apa-apa harta atau apa-apa kelebihan ekonomi atau keuntungan ekonomi daripada harta itu yang berada di dalam atau di luar Malaysia yang mana keseluruhan atau sebahagian diperoleh atau didapati secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana orang daripada sebarang aktiviti haram atau daripada pelupusan atau urusan lain dengan harta itu. Aktiviti haram di bawah AMLATFA bermaksud sebarang aktiviti yang mana berhubung secara langsung atau tidak langsung dengan apa-apa kesalahan serius atau apa-apa kesalahan serius asing dan hasil daripada aktiviti haram bermaksud apa-apa harta berasal atau diperoleh secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana orang akibat daripada sebarang aktiviti haram. Kes *Public Prosecutor v Kuala Dimensi Sdn Bhd & Ors* [2018] 6 MLJ 37 yang dirujuk perayu adalah berkenaan prosiding pelucuthakan di bawah s 56 AMLATFA di mana Mahkamah Rayuan menyatakan keperluan untuk membuktikan kesalahan predikat (kesalahan serius) dan hubungan antara hasil yang berasal daripada kesalahan predikat dan harta yang ingin dilucuthak. Dalam apa jua keadaan adalah bagi pihak pendakwaan untuk kemukakan

keterangan sewajarnya semasa perbicaraan berkenaan kesalahan serius (kesalahan predikat). HMT mendapati tiada keperluan untuk menyatakan kesalahan serius (kesalahan predikat) dalam pertuduhan. Tidak timbul isu perayu diprejudiskan atau terkeliru berkenaan aktiviti haram yang dirujuk pihak pendakwaan dalam pertuduhan.

[19] Dengan itu, HMT mendapati, pertuduhan pertama di bawah Akta SPRM, pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA adalah tidak defektif. Hujahan perayu bahawa pertuduhan-pertuduhan tersebut defektif, dibuat tanpa asas menurut dapatan HMT.

[20] Mengenai alasan kedua perayu bahawa pertuduhan-pertuduhan adalah tidak berasas, HMT telah mendapati perayu menghujahkan bahawa pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga di bawah Akta SPRM adalah tidak berasas. Hujahan perayu ialah pertuduhan tidak mendedahkan sebarang kesalahan rasuah oleh perayu. Dihujahkan bahawa bukan suatu kesalahan untuk mendapatkan projek-projek kerajaan. Perayu dikatakan tidak memegang apa-apa jawatan dalam kerajaan dan pertuduhan tidak menunjukkan perayu telah menggunakan kedudukannya. Dihujahkan selanjutnya dakwaan bahawa perayu 'telah membantu Syarikat Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan projek ...' dengan sendirinya tidak terjumlah kepada sebarang perbuatan menyalahi undang-undang atau terlarang.

[21] Mengenai hujahan perayu tersebut, HMT mendapati bahawa pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga di bawah Akta SPRM mendedahkan bahawa perayu dituduh melakukan kesalahan rasuah di bawah s 16(a)(A) iaitu menerima suapan. Pertuduhan menyatakan bahawa perayu telah menerima suapan bagi dirinya sebagai upah bagi dirinya kerana telah melakukan suatu perkara yang sebenar iaitu membantu Sykt Menuju Asas Sdn Bhd mendapatkan projek secara rundingan terus dan tender terhad/secara tender terhad daripada Kerajaan Malaysia/Kementerian Kerja Raya Malaysia.

[22] HMT mendapati seterusnya tidak boleh dikatakan bahawa wang dan Toyota Vellfire yang menjadi hal perkara pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA adalah berasal daripada sumber sah dengan hanya berdasarkan kepada dokumen semata-mata yang telah dibekalkan oleh pihak pendakwaan. Keterangan dokumentar harus dilihat berdasarkan kes secara keseluruhan dan adalah salah untuk mahkamah menimbang dokumen tersebut secara satu-satunya (*in isolation*). HMT mendapati terpulang kepada pihak pendakwaan sama ada mereka ingin mengemukakan atau tidak dokumen tersebut sebagai keterangan dan dokumen tersebut bukan satu

keterangan sahaja tetapi berasaskan kepada semua keterangan. HMT mendapati pihak pendakwaan tidak seharusnya dihalang daripada mengemukakan keterangan relevan dan boleh diterima semasa perbicaraan melalui saksi-saksi untuk membuktikan kesnya.

[23] HMT juga berpendapat adalah pramatang di peringkat ini untuk mahkamah memutuskan bahawa pertuduhan pertama, pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga di bawah Akta SPRM, pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dan pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA tidak berasas.

[24] HMT seterusnya menerangkan perayu tidak mengaku salah kepada semua pertuduhan tersebut dan minta dibicarakan. Oleh itu adalah bagi pihak pendakwaan untuk membuktikan kesnya terhadap perayu. Beban terletak pada pihak pendakwaan untuk membuktikan kesalahan sebagaimana pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu. Adalah bagi pihak pendakwaan untuk mengemukakan keterangan yang difikirkan perlu dan wajar bagi membuktikan kesalahan sebagaimana pertuduhan yang dikemukakan terhadap perayu.

[25] HMT menerangkan, oleh kerana perayu tidak mengaku salah kepada pertuduhan, pihak pendakwaan berhak membawa keterangan di mahkamah. Keterangan boleh dikemukakan untuk membuktikan kes pihak pendakwaan atas dasar prima facie dan kemudian melampaui keraguan munasabah. Mahkamah sesyen sebagai mahkamah perbicaraan mempunyai kewajiban untuk menimbang semua keterangan yang dikemukakan di hadapannya. HMT seterusnya mendapati adalah bagi mahkamah sesyen untuk membuat dapatan fakta setelah menimbang semua keterangan sama ada suatu kes prima facie telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap perayu dan kemudian jika pembelaan dipanggil sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya terhadap perayu melampaui keraguan munasabah.

[26] Berkenaan alasan ketiga perayu bahawa pendakwaan dibuat secara mala fide, HMT mendapati perayu tidak menunjukkan bahawa pendakwaan terhadapnya adalah bersifat mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah. Perayu gagal mengemukakan sebarang keterangan yang boleh menyokong dakwaannya. HMT berpendapat perayu gagal menunjukkan bagaimana pendakwaan terhadapnya yang dibuat menurut undang-undang iaitu di bawah Akta SPRM, AMLATFPUAA dan AMLATFA adalah bersifat mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah. Tidak terdapat keterangan yang menunjukkan bahawa pendakwa raya telah menyalahguna kuasa budi bicaranya dan pendakwaan terhadap perayu dibuat secara mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah. Tidak terdapat keterangan yang

menunjukkan bahawa pendakwaan terhadap perayu adalah merupakan suatu penganiayaan politik dan penindasan.

[27] Mengenai hujahan perayu bahawa siasatan SPRM terhadap perayu adalah berkaitan dengan Tabung Haji dan pertuduhan terhadap perayu bukan berkaitan dengan Tabung Haji tetapi sebaliknya berkaitan dengan Sykt Menuju Asas Sdn Bhd, HMT berpandangan bahawa tidak boleh dikatakan bahawa pihak pendakwaan melakukan satu 'witch hunt' untuk mengaitkan perayu dengan sesuatu kesalahan supaya reputasinya terjejas. HMT menyatakan pendakwa raya mempunyai kuasa di bawah perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan, menurut budi bicaranya untuk memulakan, menjalankan atau menghentikan apa-apa prosiding bagi suatu kesalahan. Adalah bagi pendakwa raya dalam melaksanakan kuasa budibicaranya untuk memulakan pendakwaan terhadap perayu di bawah peruntukan undang-undang yang dia fikirkan wajar.

[28] HMT juga menyatakan pihak pendakwaan membuat pindaan sewajarnya terhadap pertuduhan pertama hingga pertuduhan kesembilan di bawah AMLATFPUAA dengan kebenaran mahkamah dan tanpa sebarang bantahan daripada peguambela yang mewakili perayu dalam perbicaraan di mahkamah sesyen. Oleh itu HMT mendapati perayu sekarang tidak boleh mengatakan bahawa tindakan pihak pendakwaan meminda sembilan pertuduhan tersebut adalah menyalahi undang-undang dan merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah. Dalam apa jua keadaan, dengan kebenaran mahkamah pihak pendakwaan berhak untuk meminda pertuduhan pada mana-mana peringkat perbicaraan.

[29] Berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, HMT telah menolak notis usul yang difailkan oleh perayu.

HUJAHAN PERAYU

[30] Di hadapan kami, perayu menghujahkan mahkamah mempunyai kuasa sedia ada untuk membatalkan pertuduhan atau memberikan penangguhan kekal (*permanent stay*) pendakwaan terhadap seseorang tertuduh. Mahkamah disarankan menggunakan kuasa ini untuk perayu atas sebab-sebab berikut:

(a) pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu adalah cacat sehingga menyebabkan ia menjadi satu yang tidak sah;

(b) pertuduhan-pertuduhan tersebut tidak berasas; dan

(c) pendakwaan terhadap perayu berniat jahat (mala fide).

[31] Kuasa membatalkan pertuduhan-pertuduhan boleh dilakukan di

semua peringkat perbicaraan. Adalah sesuai untuk kuasa sedia ada digunakan sekarang kerana sebab-sebab berikut:

(a) kuasa sedia ada hanya boleh dilaksanakan oleh mahkamah-mahkamah atasan (*superior courts*) dan bukannya mahkamah rendah (dalam kes ini, mahkamah sesyen);

(b) sekiranya Makamah Tinggi sebelum ini atau Mahkamah Rayuan sekarang memutuskan perkara ini memihak kepada perayu, maka perbicaraan seterusnya di mahkamah sesyen akan menjadi sia-sia;

(c) isu mengenai kecacatan pertuduhan-pertuduhan seharusnya diputuskan terlebih dahulu sebelum perbicaraan di mahkamah sesyen diteruskan; dan

(d) untuk mengelakkan akibat dan kesan mendalam yang tidak perlu terhadap kehidupan dan kerjaya perayu akibat pendakwaan salah terhadap perayu.

[32] Berkenaan pertuduhan pertama di bawah Akta SPRM, ianya adalah cacat kerana pelbagaian/perduaan (*multiplicity/duplicity*). Ini kerana:

(a) pertuduhan penerimaan suapan melibatkan empat projek berbeza yang terletak di tempat berbeza dan melibatkan fasa berbeza; dan

(b) perkataan-perkataan 'secara rundingan terus dan tender terhad' menunjukkan projek-projek diberikan pada masa yang berbeza dan cara yang berbeza.

[33] Pertuduhan-pertuduhan berkenaan pindaan AMLATFPUAA dan AMLATFA pula adalah cacat kerana:

(a) berkenaan pertuduhan pindaan pertama hingga ke sembilan, pertuduhan-pertuduhan ini gagal menyatakan di dalam bentuk apa dan bagaimana wang tersebut diterima oleh perayu, misalnya tunai, banker's cheque atau jongkong emas (berbanding dengan pertuduhan-pertuduhan di bawah Akta SPRM yang menyatakan bentuk dan bagaimana suapan diterima dengan jelas dinyatakan: '... wang tunai ... melalui':

(b) CIMB Bank Bhd Nombor Akaun 14140037378050 milik kamu';

(c) berkenaan pertuduhan pindaan pertama hingga kelima, pertuduhan-pertuduhan ini cacat kerana menyatakan perbuatan kesalahan yang dalam masa yang lama. Walaupun s 91A AMLATFPUAA membenarkan pertuduhan dibuat tidak melebihi 12 bulan, ianya tidak terpakai untuk pertuduhan pindaan pertama hingga kelima ini kerana seksyen ini hanya terpakai pada 8 Ogos 2014;

(d) berkenaan pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan, dan kesembilan, tempat dinyatakan di dalam pertuduhan-pertuduhan adalah terlalu umum iaitu 'di sekitar Lembah Kelang'. Ini bukan sahaja kabur tetapi mungkin menimbulkan isu undang-undang sama ada Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes ini;

(e) undang-undang menyatakan keperluan penting menentukan tarikh dan masa kesalahan dan juga di dalam merangka sesuatu pertuduhan; dan

(f) di samping itu, berkenaan semua pertuduhan-pertuduhan di bawah AMALATFPUAA dan AMALATFA, ianya adalah cacat kerana gagal menyebut kesalahan predikat. Walaupun kesalahan pengubahan wang haram boleh berdiri sendiri tanpa kesalahan predikat itu dituduh bersekali, kesalahan predikat itu adalah ciri penting pengubahan wang haram yang perlu dibuktikan di mahkamah. Oleh itu ianya perlu dinyatakan di dalam mana-mana pertuduhan pengubahan wang haram. Ianya tidak boleh diketepikan begitu sahaja dengan menyatakan ianya akan dibuktikan melalui keterangan ketika perbicaraan.

[34] Undang-undang memerlukan untuk apa-apa pendakwaan di bawah AMLATFPUAA menjadi betul dan sah, pihak pendakwaan perlu memberikan maklumat atau menyatakan kesalahan predikat. Ini sangat diperlukan apabila seseorang dituduh di bawah s 4(1) AMLA. Hanya apabila kesalahan predikat itu telah dikenal pasti, isu membuktikan perkara tersebut akan timbul sama ada di dalam pendakwaan jenayah atau tindakan perlucutan harta. Memandang ini tidak dilakukan di dalam kes ini, ini membuatkan pertuduhan-pertuduhan di bawah AMLA ini menjadi cacat, tidak tepat dan kabur.

[35] Kesan keseluruhan adalah ini telah memprejudis hak perayu. Ujiannya ialah sama ada apa-apa tindakan yang dilakukan secara langsung memberi kesan kepada hak asasi perayu. Oleh itu ia melibatkan prejudis langsung dan termasuk prejudis yang dijangkakan akan berlaku.

[36] Pertuduhan yang cacat akan memprejudiskan perayu kerana ia menjejaskan hak beliau kepada perbicaraan adil di bawah perkara 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan.

Hujahan responden

[37] Di hadapan kami, responden menghujahkan walaupun mahkamah mempunyai kuasa sedia ada untuk mengetepikan dan membatalkan pertuduhan atau menggantung pertuduhan secara kekal, kuasa sedia ada mahkamah mestilah dilaksanakan dalam hal keadaan luar biasa (*exceptional*

circumstances). Ia tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. A

[38] Responden menghujahkan mahkamah tidak boleh melaksanakan kuasa sedia ada berhubung mana-mana perkara yang diliputi oleh peruntukan khusus undang-undang atau pelaksanaannya akan melanggar mana-mana peruntukan khusus undang-undang. B

[39] Menjadi kuasa mutlak pendakwa raya sama ada mahu meneruskan pendakwaan sesuatu kes selaras dengan perkara 145 Perlembagaan Persekutuan dan s 376 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'). C

[40] Semua pertuduhan terhadap perayu telah membutirkan perkara-perkara perlu di dalamnya. Memandangkan ini telah dinyatakan secukupnya, maka tidak boleh dikatakan pertuduhan-pertuduhan ini adalah defektif. D

[41] Tiada kecacatan terhadap pertuduhan-pertuduhan ini dan perayu tidak pernah terkeliru atau 'misled' dengan butir-butir yang dinyatakan di dalam semua pertuduhan. Juga tidak boleh dikatakan pertuduhan-pertuduhan ini memprejudiskan perayu. Perayu berupaya mencabar keterangan pihak pendakwaan di dalam perbicaraan. Oleh itu tidak boleh dikatakan terdapat kecacatan terhadap semua pertuduhan. E

[42] Sekiranya terdapat apa-apa peninggalan di dalam pertuduhan-pertuduhan itu, undang-undang membenarkan pihak pendakwaan memohon kepada mahkamah untuk meminda pertuduhan-pertuduhan tersebut. Dengan kebenaran mahkamah, pihak pendakwaan berhak meminda pertuduhan pada mana-mana peringkat perbicaraan. F G

[43] Malahan pada 6 September 2020, pihak pendakwaan dengan kebenaran mahkamah telah meminda pertuduhan pertama hingga kesembilan di bawah AMLATFPUAA tanpa bantahan peguam perayu. Pindaan tidak menghalang saksi-saksi dipanggil semula supaya keadilan tercapai. H

[44] Pindaan yang dilakukan adalah dibuat pada peringkat awal perbicaraan di dalam kes ini kerana baru tiga saksi 'formal' pendakwaan dipanggil ketika itu. Tiada prejudis boleh berlaku kepada perayu kerana pindaan pertuduhan-pertuduhan ini. Pihak perayu sememangnya boleh membuat permohonan memanggil semula saksi-saksi ini. I

[45] Pihak responden juga menghujahkan tidak berlaku kegagalan keadilan (*failure of justice*) berkenaan pertuduhan-pertuduhan yang dikemukakan

terhadap perayu. Asalkan keterangan adalah mencukupi di akhir perbicaraan nanti untuk mensabitkan perayu, tidak boleh dikatakan kegagalan keadilan telah berlaku.

[46] Terdapat berbagai peruntukan undang-undang mengenai rangka yang diperlukan untuk sesuatu pertuduhan. Peruntukan undang-undang ini juga menjamin agar seseorang tertuduh dapat membela diri dengan secukupnya dan tidak terkeliru dengan pertuduhan yang dibuat. Undang-undang juga menyatakan kecacatan di dalam sesuatu pertuduhan tidak boleh menjadikan sesuatu dapatan atau perintah diketepikan begitu sahaja.

[47] Responden juga menghujahkan adalah amat jelas s 91 AMLATFPUAA membenarkan seseorang tertuduh yang didakwa atas beberapa kesalahan boleh dituduh dan dibicarakan sekali atas apa-apa bilangan kesalahan yang dilakukan dalam apa-apa jangka masa. Sementara s 91A AMLATFPUAA pula membenarkan pertuduhan menyatakan jumlah kasar dan tanpa butiran terperinci atau tarikh yang tepat asalkan taikh pertama dan tarikh terakhir adalah dalam masa 12 bulan.

KEPUTUSAN KAMI

[48] Pertamanya, walaupun mahkamah mempunyai kuasa sedia ada untuk mengetepikan dan membatalkan pertuduhan atau menggantung pertuduhan secara kekal, kuasa ini tidak boleh digunakan sewenang-wenangnya. Hanya di dalam kes-kes tertentu sahaja kuasa ini boleh dilaksanakan. Kuasa sedia ada mahkamah mestilah dilaksanakan dalam hal keadaan luar biasa (*exceptional circumstances*) sahaja bagi mengelakkan penindasan dan penyalahgunaan proses mahkamah. Ini sangat jelas apabila merujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Ahmad Zubair @ Ahmad Zubir bin Hj Murshid v Public Prosecutor* [2014] MLJU 991; [2014] 1 CLJ 697 yang menyatakan seperti berikut:

> However, the inherent powers of the court must be exercised in exceptional circumstances to prevent undue oppression and abuse of the process of the court.

[49] Mahkamah Persekutuan juga di dalam kes di atas telah dengan jelas menyatakan bahawa mahkamah tidak boleh melaksanakan kuasa sedia ada berhubung mana-mana perkara yang diliputi oleh peruntukan khusus undang-undang atau pelaksanaannya akan melanggar mana-mana peruntukan khusus undang-undang. Ini dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes di atas seperti berikut:

> As such we may hasten to add that the inherent jurisdiction of the court is therefore not as wide as it seems to be. Much depends on the facts and circumstances and clearly the court cannot exercise its inherent jurisdiction in respect of any matter

covered by specific provisions of the law or if its exercise would infringe any specific provisions of the law.

[50] Di samping itu juga, mahkamah hanya akan melaksanakan kuasa sedia ada apabila terdapat salah laksana keadilan (*miscarriage of justice*) seperti yang dinyatakan di dalam kes Mahkamah Agung iaitu *Karpal Singh & Anor v Public Prosecutor* [1991] 2 MLJ 544 seperti berikut:

In matters like criminal law of a purely domestic nature, our view is that the court will only exercise its inherent powers when there is miscarriage of justice.

[51] Fakta di dalam kes di hadapan kami sekarang tidak menzahirkan perkara-perkara yang dinyatakan di atas. Pertuduhan-pertuduhan yang dihadapi perayu tidak menjejaskan prinsip undang-undang dinyatakan oleh Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Agung di atas.

[52] Mengenai pertuduhan pertama Akta SPRM seperti yang telah dinyatakan di atas, walaupun terdapat empat projek berasingan, suapan yang dipertuduhkan adalah untuk keempat-empat projek tersebut. Begitu juga tarikh pada pertuduhan hanya satu, iaitu 8 Disember 2010. Ini menunjukkan satu suapan untuk empat projek tersebut. Ia bukan empat kesalahan menerima suapan dilakukan untuk empat projek tersebut. Oleh itu tiada isu duplicity atau multiplicity mengenai pertuduhan ini. Ia bukan kesalahan menerima suapan yang berasingan dan berlainan bagi setiap satu projek tersebut. Melihat secara keseluruhan pertuduhan ini, tidak boleh dikatakan ianya defektif berdasarkan alasan-alasan di atas.

[53] Di dalam kes di hadapan kami juga, pertuduhan pertama ini memberikan butiran secara khusus kesalahan yang mana tertuduh dipertuduhkan iaitu kesalahan menerima suapan dan peruntukan undang-undang berkenaan kesalahan tersebut iaitu di bawah s 16(a)(A) Akta SPRM. Ini berbeza dengan kes *Goh Keat Peng v Public Prosecutor* [2001] 2 CLJ 498 yang gagal menyatakan dengan jelas dan secara khusus kesalahan yang mana di bawah s 27(5) Akta Polis yang tertuduh dipertuduhkan.

[54] Di samping itu, berdasarkan alasan-alasan di atas, tidak timbul isu pelanggaran s 163 KTJ yang memperuntukkan bahawa bagi setiap kesalahan yang berlainan, maka pertuduhan berasingan perlu dibuat.

[55] Mengenai pertuduhan-pertuduhan di bawah AMLATFPUAA pula iaitu pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan, adalah tidak benar bahawa pertuduhan-pertuduhan ini adalah kabur. Ianya tidak boleh dikatakan kekurangan butiran sehingga menjadikan pertuduhan-pertuduhan ini kabur hingga telah mengelirukan perayu. Butiran

yang diberikan seperti yang terdapat di dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut amat jelas. Ia sudah mempunyai butiran yang mencukupi seperti yang dikehendaki dan tidak kabur. Dalam hal ini, ianya telah mematuhi ss 152 dan 153 KTJ. Pertuduhan-pertuduhan telah pun mempunyai butiran yang perlu di bawah ss 152 dan 153 KTJ iaitu kesalahan pengubahan wang haram, menerima hasil daripada aktiviti haram dan peruntukan undang-undang berkenaan kesalahan tersebut iaitu di bawah s 4(1)(b) AMLATFPUAA. Tempat dan waktu kesalahan juga telah dinyatakan. Butir-butir yang mencukupi telah diberikan dan tiada kekeliruan boleh timbul untuk perayu membela diri. Butir-butir ini mencukupi untuk tidak memprejudiskan perayu.

[56] Ketinggalan butiran jika ada sekalipun, seperti bagaimana wang diterima dan tempat secara am sahaja disebut iaitu sekitar Lembah Klang, tidak boleh dikatakan menjadi pertuduhan-pertuduhan ini defektif. Butiran lain yang ada telah mencukupi. Oleh itu ianya tidak menjadikannya pertuduhan defektif. Apa yang penting ialah perayu tidak terkeliru dengan pertuduhan-pertuduhan tersebut. Mengenai perkara ini, s 156 KTJ dengan jelas menyatakan seperti berikut:

> No error in stating either the offence or the particulars required to be stated in the charge, and no omission to state the offence or those particulars shall be regarded, at any stage of the case, as material unless the accused was in fact misled by that error or omission.

[57] Selain itu Mahkamah Rayuan dalam kes *Mohd Haikal bin Mohd Khatib Saddaly & Ors v Public Prosecutor* [2009] 4 MLJ 305; [2011] 5 CLJ 369 telah menerangkan kesilapan dan ketinggalan dalam pertuduhan hanya satu ketidakaturan yang tidak boleh menjejaskan apa-apa keputusan kecuali ianya meyebabkan kegagalan keadilan seperti yang dinyatakan di dalam s 422 KTJ yang memperuntukkan seperti berikut:

> Subject to the provisions contained in this Chapter no finding sentence or order passed or made by a Court of competent jurisdiction shall be reversed or altered on account of —
>
> (a) any error, omission or irregularity in the complaint, sanction, consent, summons, warrant, charge, judgment or other proceedings before or during trial, or in any inquiry or other proceedings under this Code;
>
> (b) the want of any sanction; or
>
> (c) the improper admission or rejection of any evidence,
>
> unless such error, omission, irregularity, want, or improper admission or rejection of evidence has occasioned a failure of justice.

[58] Juga adalah penting untuk diingat bahawa semasa perbicaraan, pihak pendakwaan boleh membuat pindaan pada pertuduhan. Dengan kebenaran

mahkamah, pihak pendakwaan berhak untuk meminda pertuduhan pada mana-mana peringkat perbicaraan (lihat *Public Prosecutor v Yeoh Tech Chye and Lim Hong Pung & Anor v Public Prosecutor* [1981] 2 MLJ 176). Pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA boleh dipinda pada masa perbicaraan oleh pihak pendakwaan untuk memasukkan butiran yang difikirkan perlu dan wajar. Di samping itu butiran yang seperti ditujukkan di dalam ss 152 dan 153 KTJ telah memberi perayu perkara-perkara yang mencukupi untuk perayu membela diri terhadap pertuduhan-pertuduhan yang dihadapi. Butiran berkenaan cara kesalahan dilakukan yang disebutkan dalam s 154 KTJ hanya perlu dinyatakan dalam pertuduhan apabila butiran yang disebutkan dalam ss 152 dan 153 KTJ tidak memberi perayu notis mencukupi perkara yang beliau dipertuduhkan. Seksyen 154 KTJ memperuntukkan seperti berikut:

> When the nature of the case is such that the particulars mentioned in sections 152 and 153 do not give the accused sufficient notice of the matter with which he is charged, the charge shall also contain such particulars of the manner in which the alleged offence was committed as will be sufficient for that purpose.

[59] Pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA telah menyatakan perayu telah menerima hasil daripada aktiviti haram sejumlah wang. Ini adalah maklumat yang mencukupi bagi perayu tahu tentang perkara yang dipertuduhkan. Tidak perlu untuk dinyatakan bagaimana wang tersebut diterima dan sama ada wang tunai atau cek telah digunakan. Ini adalah perkara-perkara keterangan yang seharusnya timbul masa perbicaraan. Menjadi tanggungjawab pihak pendakwaan membuktikan pertuduhan-pertuduhan ini dan sudah tentu perayu berhak menyoal balas saksi-saksi pendakwaan untuk mengetahui lebih lanjut butir-butir keterangan ini. Butir-butir terperinci boleh diperolehi semasa perbicaraan dan jika semua perkara mesti dinyatakan di dalam sesuatu pertuduhan, maka tiada lagi keperluan memanggil saksi-saksi dalam perbicaraan penuh di mahkamah terbuka.

[60] Mengenai ketiadaan tarikh tepat dinyatakan dalam pertuduhan-pertuduhan pula, hakikatnya terdapat tarikh yang dinyatakan antara satu tarikh ke satu tarikh lain yang tertera dalam semua pertuduhan. Ini adalah mencukupi dan tidak mengelirukan perayu. Di samping itu, ini jelas dibenarkan apabila dilihat kepada s 91A AMLATFPUAA yang berkuatkuasa pada 8 Ogos 2014 yang menyatakan:

> When a person is charged with an offence under this Act, it shall be sufficient to specify the gross sum in respect of which the offence is alleged to have been committed and the *dates between which the offence is alleged to have been committed*, *without specifying particular items or exact dates, and the charge so framed shall be deemed to be a charge of one offence within the meaning of section164 of the Criminal Procedure Code provided that the time concluded between the first and last of such dates*

shall not exceed twelve months. (Penekanan ditambah.)

[61] Di samping itu mengikut s 2(1) AMLATFPUAA, Akta ini terpakai bagi mana-mana kesalahan dinyatakan sama ada dilakukan sebelum atau selepas tarikh kuatkuasa. Seksyen 91A membenarkan pertuduhan dibuat dengan menyatakan jumlah kasar berkenaan kesalahan itu tanpa menyatakan butiran terperinci atau tarikh tepat dengan syarat waktu yang dinyatakan antara tarikh pertama dan terakhir itu tidak melebihi 12 bulan. Oleh itu dengan jelas tidak semestinya hanya satu tarikh dinyatakan dalam pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan di bawah AMLATFPUAA. Asalkan satu tarikh di antara tempoh antara tiga bulan hingga satu tahun dinyatakan, ini sudah mencukupi dan ini sememangnya ada di dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut.

[62] Mengenai pertuduhan kesepuluh pula di bawah AMLATFA adalah jelas pertuduhan kesepuluh ini terhadap perayu adalah di bawah s 4(1)(a) AMLATFA dan bukan di bawah s 4(1)(a) AMLATFPUAA. Seksyen 4(1) AMLATFA memperuntukkan dua kategori kesalahan pengubahan wang haram sebagaimana perenggan (a) atau (b). Seksyen ini menyatakan:

> 4(1) Any person who —
>
> (a) engages in, or attempts to engage in; or
>
> (b) Abets the commission of,
>
> Money laundering, commits an offence and ...

[63] Pertuduhan kesepuluh ini menyebut 'telah melibatkan diri dalam pengubahan wang haram dengan memiliki hasil daripada aktiviti haram iaitu sebuah kenderaan Toyota Vellfire ...'. Ini merupakan suatu kesalahan di bawah s 4(1)(a) AMLATFA. Ini jelas adalah satu kesalahan dan bukan dua kesalahan berlainan. Tidak ada dua kesalahan yang digabungkan. Maka pertuduhan ini tidak defektif seperti yang dihujahkan perayu yang menyatakan bahawa pertuduhan kesepuluh menggabungkan dua kesalahan berlainan. Di samping itu, s 4(1)(a) AMLATFA juga tidak menggunakan perkataan secara langsung atau tidak langsung. Maka sama ada perayu telah melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam transaksi membabitkan hasil daripada aktiviti haram, tidak perlu dinyatakan di dalam pertuduhan. Ini bermakna pertuduhan juga tidak defektif.

[64] Di samping itu, berkenaan pertuduhan kesepuluh di bawah AMLATFA perayu dituduh melibatkan diri dalam pengubahan wang haram dengan memiliki hasil daripada aktiviti haram di bawah s 4(1)(a). Kami bersetuju dengan HMT bahawa perayu dituduh dengan kesalahan pengubahan wang haram dan bukan kesalahan predikat. Kesalahan

pengubahan wang haram boleh berdiri dengan sendiri dan tidak terikat dengan kesalahan predikat. Kami juga bersetuju dengan HMT yang mendapati tiada keperluan untuk menyatakan kesalahan predikat dalam pertuduhan. Oleh itu tidak benar bahawa perayu diprejudiskan atau terkeliru berkenaan aktiviti haram yang dirujuk pihak pendakwaan dalam pertuduhan.

[65] Asas kesalahan pengubahan wang haram adalah berkenaan hasil daripada aktiviti haram dan bukan kesalahan predikat itu sendiri. Ini boleh dilihat daripada takrif kesalahan pengubahan wang haram dalam s 4(1), takrif aktiviti haram dan takrif hasil daripada aktiviti haram di bawah s 3(1) AMLATFPUAA (bagi pertuduhan pindaan pertama hingga pertuduhan pindaan kesembilan), takrif pengubahan wang haram, takrif aktiviti haram dan takrif hasil daripada aktiviti haram di bawah s 3(1) AMLATFA (bagi pertuduhan kesepuluh).

[66] Berdasarkan semua alasan-alasan di atas, kami juga berpendapat bahawa adalah tidak benar untuk perayu menghujahkan pertuduhan-pertuduhan yang dihadapi beliau adalah tidak berasas dan tidak sah. Pertuduhan-pertuduhan telah dibuat dengan mengemukakan butir-butir yang mencukupi. Sama ada ianya dapat dibuktikan oleh pihak pendakwaan, masih terlalu awal untuk ditentukan. Namun ini tidak bermakna pertuduhan-pertuduhan ini adalah tidak berasas.

[67] Mengenai hujahan perayu bahawa pendakwaan terhadap beliau ialah berniat jahat (mala fide), kami dapati hujahan ini tidak berasas. Pendakwa raya mempunyai kuasa untuk mendakwa dan tidak ditunjukkan bahawa pendakwa raya telah menyalahguna kuasa budi bicaranya dan pendakwaan terhadap perayu dibuat secara mala fide dan penyalahgunaan proses mahkamah. Tidak berlaku suatu penganiayaan politik dan penindasan terhadap perayu.

[68] Hakikatnya, Pendakwa Raya mempunyai kuasa di bawah perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan, menurut budi bicaranya untuk memulakan, menjalankan atau menghentikan apa-apa prosiding bagi suatu kesalahan. Ramai orang awam tidak menghargai kuasa ini yang diberikan kepada pendakwa raya tetapi kuasa ini sememangnya wujud dan diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu tidak boleh dikatakan kuasa ini telah dilaksanakan dengan niat jahat seperti dihujahkan oleh perayu.

[69] Berdasarkan fakta kes ini dan semua undang-undang yang diterangkan di atas, perayu tidak boleh dibebaskan dan dilepaskan begitu sahaja di peringkat ini berdasarkan hujahan-hujahan beliau. Perayu mesti menghadapi pertuduhan-pertuduhan terhadap beliau di mahkamah. Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu hanya ditentukan setelah selesai perbicaraan di mahkamah sesyen nanti.

[70] Di samping itu, meneliti secara keseluruhan alasan bertulis penghakiman HMT, kami juga tidak mendapati ada kekhilafan yang dilakukan oleh HMT yang bijaksana. Beliau telah memberikan alasan-alasan kukuh dan mantap untuk menolak notis usul yang difailkan perayu dan kami bersetuju sepenuhnya dengan alasan-alasan beliau. Kami juga telah membutirkan dengan panjang lebar alasan-alasan beliau seperti di atas untuk menunjukkan asas kukuh alasan-alasan beliau ini.

Dua perkara penting

[71] Walaupun begitu, ada dua perkara penting yang kami perlu jelaskan di sini yang berbangkit dari hujahan perayu. Pertamanya, perayu berhujah bahawa adalah salah untuk dinyatakan tempat kesalahan secara am sahaja, iaitu sekitar Lembah Klang untuk pertuduhan-pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan di bawah AMLATFPUAA. Perayu berhujah satu tempat secara khusus perlu dinyatakan seperti yang terlihat untuk pertuduhan-pertuduhan lain. Ini kerana Lembah Klang bukan saja termasuk Kuala Lumpur tetapi termasuk beberapa kawasan di Selangor. Oleh itu persoalan timbul adakah Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur mempunyai bidang kuasa tempatan (*local jurisdiction*) untuk mendengar kes bagi pertuduhan-pertuduhan ini. Hanya menyatakan kesalahan dilakukan di sekitar Lembah Klang, melibatkan soal bidang kuasa tempatan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur itu sendiri mendengar pertuduhan-pertuduhan ini.

[72] Mengenai hujahan perayu di atas, pertuduhan-pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan di bawah AMLATFPUAA tersebut, masih tidak terjejas. Ini adalah kerana pihak pendakwaan masih boleh bergantung kepada s 156 KTJ mengenai isu ini. Walaupun seksyen ini telah disebutkan sebelum ini, untuk penerangan lebih jelas, kami nyatakan sekali lagi seksyen ini menyebut seperti berikut:

> No error in stating either the offence or the *particulars required to be stated in the charge*, and no omission to state the offence or those particulars shall be regarded, at any stage of the case, as material unless the accused was in fact misled by that error or omission. (Penekanan ditambah.)

[73] Lebih-lebih lagi, mengenai peruntukan di atas, Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ahmad Zubair @ Ahmad Zubir bin Hj Murshid v Public Prosecutor* [2014] MLJU 991; [2014] 1 CLJ 697 telah dengan jelasnya menyatakan sama ada tertuduh terkeliru apabila terdapat kesilapan atau kegagalan memberikan butiran pada pertuduhan, hanya ditentukan setelah selesai perbicaraan. Azahar Mohamed (HBM) mengenai perkara ini menyatakan seperti berikut:

> [8] Furthermore, s 156 of the CPC provides that no error in stating either the offence or the particulars to be stated in the charge and no omission to state the offence or those particulars shall be regarded at any stage of the case as material,

unless the appellant was in fact misled by that error or omission. ... *In our view, whether the appellant was misled by any error or omission in the charges or whether such error or omission has occasioned a failure of justice can only be determined at the conclusion of the trial having regard to the entire evidence being placed before the trial judge*. (Penekanan ditambah.)

[74] Oleh yang demikian, berpandukan kes di atas dan s 156 KTJ, adalah jelas, untuk pertuduhan-pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan di bawah AMLATFPUAA, walaupun dinyatakan tempat kesalahan secara am sahaja, iaitu sekitar Lembah Klang, ini masih tidak dianggap material jika ia tidak mengelirukan tertuduh. Lebih-lebih lagi, kes Mahkamah Rayuan di atas dengan jelas menyatakan sama ada tertuduh terkeliru kerana kesilapan atau kegagalan memberikan butiran pada pertuduhan, hanya ditentukan setelah selesai perbicaraan.

[75] Justeru itu, pertuduhan-pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan di bawah AMLATFPUAA perlu dibicarakan dahulu sebelum diputuskan sama ada perayu terkeliru kerana kesilapan atau kegagalan memberikan butiran tentang tempat khusus kesalahan dilakukan dalam pertuduhan-pertuduhan tersebut.

[76] Namun demikian bila pertuduhan-pertuduhan ini merujuk kepada sekitar Lembah Klang, ini termasuk Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Jadi adakah Mahkamah Seksyen Kuala Lumpur di mana semua pertuduhan-pertuduhan yang dihadapi oleh perayu dibicarakan, mempunyai bidang kuasa tempatan untuk membicarakan kes jika kesalahan dilakukan di Petaling Jaya misalnya? Harus diingat sama ada ianya Kuala Lumpur atau Petaling Jaya adalah tidak jelas kerana apa yang dirujuk hanyalah Lembah Klang.

[77] Ini lebih-lebih lagi apabila diambil kira bahawa pada 9 Mac 2021 telah dikeluarkan Perintah Mahkamah Rendah (Penubuhan mahkamah sesyen dan Mahkamah Majistret bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan) 2021. Dinyatakan di dalam Jadual Pertama Perintah ini tentang penubuhan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur dan tarikh penubuhannya ialah pada 1 Februari 1974. Perintah ini adalah seperti berikut:

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

P.U.(A) 116

PERINTAH MAHKAMAH RENDAH (PENUBUHAN MAHKAMAH SESYEN DAN MAHKAMAH MAJISTRET BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN LABUAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 59(1) dan 76(1) Akta

Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan *Perintah Mahkamah Rendah (Penubuhan Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret bagi Wialayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan) 2021.*

Penubuhan Mahkamah Sesyen

2. Mahkamah Sesyen sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual pertama ditubuhkan berkuat kuasa mulai tarikh penubuhan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2).

Penubuhan mahkamah Majistret

3. Mahkamah Majistret sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Kedua ditubuhkan berkuat kuasa mulai tarikh penubuhan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (2) dan had bidang kuasa tempatan sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3).

JADUAL PERTAMA

Mahkamah Sesyen	Tarikh Penubuhan
(1)	(2)
Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur	1 Februari 1974
Mahkamah Sesyen Labuan	16 April 1984

P.U.(A)116

JADUAL KEDUA

Mahkamah Majistret	Tarikh Penubuhan	Had Bidang Kuasa Tempatan
(1)	(2)	(3)
Mahkamah Majistret Kuala Lumpur	1 Februari 1974	Sempadan wilayah bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Mahkamah Majistret Labuan	16 April 1984	Sempadan wilayah bagi Wilayah Persekutuan Labuan

Bertarikh 9 Mac 2021
[PKPMP.BD/600-2/2/20; PN(PU2)128/XV]
Dengan Titah Perintah

TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI
Setiausaha Jemaah Menteri

[78] Sudah tentunya Petaling Jaya bukan di dalam Kuala Lumpur walaupun tidak dapat dinafikan Petaling Jaya adalah sebahagian dari Lembah Klang. Memandangkan Petaling Jaya bukan di dalam Kuala Lumpur, maka Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur tidak mempunyai bidang kuasa tempatan untuk membicarakan kesalahan yang dilakukan di Petaling Jaya.

[79] Oleh kerana tempat kesalahan dinyatakan dengan tidak jelas, sudah tentunya ini mengelirukan perayu dan membuatkan perayu tidak dapat membuat persediaan yang mencukupi bagi pembelaan dirinya. Di samping itu mengapa pihak pendakwaan tidak dapat menyatakan dengan jelas tempat kesalahan ini dilakukan juga menimbulkan tanda tanya yang serius. Lebih-lebih lagi pihak pendakwaan boleh dan telah pun menyatakan secara jelas tempat kesalahan dilakukan untuk pertuduhan-pertuduhan lain.

[80] Oleh itu kami membuat perintah agar perayu dibebaskan dan dilepaskan hanya bagi pertuduhan-pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan di bawah AMLATFPUAA. Dalam konteks kes ini, sememangnya kami mempunyai kuasa sedia ada untuk membuat perintah ini seperti dijelaskan dalam kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Ahmad Zubair Hj Murshid* dan kes Mahkamah Agong iaitu *Karpal Singh & Anor*.

[81] Perkara kedua yang penting di jelaskan di sini ialah hujahan perayu berkenaan 'Laporan Analisa Kewangan, Perbandingan Pendapatan & Perbelanjaan' bertarikh 1 April 2019 yang dibekalkan kepada perayu oleh pihak pendakwaan di bawah s 51A KTJ. Menurut laporan ini, pendapatan yang diperolehi oleh perayu adalah sah dari pekerjaan beliau, isteri dan anak-anak beliau. Laporan ini disokong oleh rekod-rekod dari Lembaga Hasil Dalam Negeri yang menunjukkan perayu ialah pekerja yang dibayar gaji oleh Sykt Menuju Asas Sdn Bhd, iaitu syarikat yang disebutkan dalam pertuduhan-pertuduhan.

[82] Berdasarkan laporan ini yang dibuat oleh SPRM sendiri, maka perayu berhujah bahawa beliau tidak boleh dituduh memperolehi hasil dari kegiatan haram. Perayu juga berhujah jika perbicaraan berjalan, maka pihak pendakwaan akan terperangkap dengan dua situasi yang bertentangan. Pertamanya, menuduh perayu menerima rasuah dan mendapat hasil dari aktiviti haram dan keduanya menyatakan perayu memperolehi pendapatan sah dan tidak bertentangan dengan undang-undang berdasarkan laporan itu sendiri.

[83] Oleh kerana perkara yang dihujahkan oleh perayu di atas, perayu selanjutnya menyatakan bahawa mahkamah sepatutnya menghentikan pendakwaan terhadap perayu kerana pihak pendakwaan tidak seharusnya

mengambil kedudukan yang berbeza semasa perbicaraan kerana laporan ini yang dikeluarkan sendiri oleh SPRM.

[84] Kami tidak dapat menerima hujahan perayu ini, kerana hakikatnya pihak pendakwaan masih berhak dibenarkan memanggil saksi-saksi untuk menjelaskan maksud sebenar laporan ini. Sama ada laporan ini betul-betul memihak kepada perayu atau menunjukkan perayu tidak bersalah, masih perlu ditentukan hanya apabila saksi-saksi dipanggil dan disoal berkenaan laporan ini. Pihak pendakwaan sememangnya berhak memanggil saksi-saksi untuk menerangkan kesan menyeluruh laporan ini. Masih terlalu awal pada peringkat ini untuk diputuskan bahawa laporan ini membuktikan perayu tidak boleh disabitkan dengan pertuduhan yang dikemukakan terhadap beliau.

[85] Perkara yang sama diterangkan oleh Mahkamah Rayuan di dalam kes *Ahmad Zubair Hj Murshid v Public Prosecutor* seperti berikut:

> [10] In our view, based purely on the documents that have been supplied by the prosecution to the appellant pursuant to s 51A of the CPC, it is premature at this early stage of the proceedings for the court to decide on the three issues raised by learned counsel. Documentary evidence must be viewed in the light of the case as a whole and it would be wrong for the court to consider these documents in isolation. The prosecution is entitled to produce these documents during the trial through its relevant witnesses in order to unravel the case for the prosecution in its proper context. The prosecution is entitled to explain through its relevant witnesses, within the limits of the relevant provisions of the Evidence Act 1950, how these documents came into existence and how these documents fit into the prosecution's case. When the case for the prosecution is concluded, after the prosecution has examined its witnesses, who may in turn be cross-examined and if necessary re-examined, only then the court shall consider based on the entire evidence whether the prosecution has made out a prima facie case against the appellant. For the proper determination of the issues raised by learned counsel, it must be pointed out that the trial against the appellant in the Sessions Court is regulated by s 173 of the CPC. Evidence could be led to establish the case of the prosecution on a prima facie basis and subsequently beyond reasonable doubt. Since the appellant had pleaded not guilty to the charges, in accordance with s 173(c) of the CPC, the Sessions Court shall proceed to take all such evidence as may be produced in support of the prosecution.

[86] Di samping itu juga kes *Public Prosecutor v Lee Eng Kooi* [1993] 2 MLJ 322; [1993] 2 CLJ 534 yang dirujuk perayu mengenai hujahan berkenaan perkara ini juga tidak dapat membantu perayu. Di dalam kes ini dinyatakan seperti berikut:

> [5] If in a case the prosecution leads two sets of evidence, each one of which contradicts and strikes at the other and shows it to be unreliable, the result would necessarily be that the court would be left with no reliable and trustworthy evidence upon which the conviction of the accused might be based. Inevitably, the accused would have the benefit of such a situation.

[87] Walaupun kes ini menyatakan seperti di atas, hakikatnya kenyataan di atas dibuat oleh hakim perbicaraan hanya setelah perbicaraan dijalankan sehingga akhir kes pendakwaan. Yang Arif Persuruhjaya Kehakiman Vincent Ng (ketika itu) di dalam kes ini tidak membatalkan dan mengetepikan pertuduhan begitu sahaja tetapi telah mendengar keterangan saksi-saksi pendakwaan terlebih dahulu. Oleh itu jelas kes ini tidak dapat membantu hujahan perayu. Kes ini sebaliknya menunjukkan perbicaraan harus dijalankan dahulu sebelum apa-apa dapatan dibuat berkenaan laoporan SPRM tersebut.

ALASAN PENGHAKIMAN

KESIMPULAN

[88] Berdasarkan semua alasan-alasan kami berikan di atas, kami tidak bersetuju dengan hujahan perayu untuk membenarkan rayuan ini kecuali mengenai pertuduhan-pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan di bawah AMLATFPUAA. Berdasarkan semua alasan-alasan yang kami berikan di atas juga, kami mendapati adalah tidak benar bahawa semua pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu adalah cacat sehingga menyebabkan ia menjadi satu yang tidak sah. Juga tidak boleh dikatakan pertuduhan-pertuduhan tersebut tidak berasas. Hujahan bahawa pendakwaan terhadap perayu berniat jahat juga seperti yang diterangkan sama sekali tidak berasas. Berdasarkan alasan-alasan yang telah kami berikan juga, kami berpendapat adalah tidak sesuai pertuduhan-pertuduhan terhadap perayu diketepikan pada peringkat ini kecuali mengenai pertuduhan-pertuduhan pindaan ketiga, ketujuh, kelapan dan kesembilan di bawah AMLATFPUAA.

[89] Oleh itu kami sebulat suara bersetuju bahawa rayuan perayu ini ditolak kecuali apa yang kami telah nyatakan diatas.

Perintah sewajarnya.

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali